

**MAJLIS MESUARAT NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21  
MAJLIS MESUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
ISNIN, 10 MAC 2025**

PJL08/01/2025

1

---

**No. Soalan: PL84 & PL131**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI  
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN [ PL84 ]  
YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA  
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF  
[ PL131 ]**

**TARIKH : 10.03.2025 [ISNIN]**

**SOALAN:**

[ PL84 ] YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan (a) perancangan Kementerian bagi penambahan bilangan konsultan, pakar dan doktor bagi menampung kekurangan yang sangat ketara sehingga menyebabkan masa menunggu yang lama contoh bagi pembedahan iaitu 3-6 bulan; dan (b) jika terdapat peruntukan khusus bagi menaiktaraf fasiliti di Hospital RIPAS dan hospital-hospital Daerah.

[ PL131 ] YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan perancangan dan strategi Kementerian dalam mempertingkatkan dan memantapkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai hospital rujukan dan tertiary dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan berkesan bagi memenuhi keperluan semasa dan yang akan datang

**JAWAPAN: [ Jawapan yang sama bagi Soalan PL131 ]**

Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berhubung status terkini pelaksanaan perancangan dan strategi Kementerian dalam mempertingkatkan dan memantapkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai hospital rujukan dan tertiary serta peruntukan khusus bagi menaiktaraf fasiliti di Hospital RIPAS dan hospital-hospital Daerah dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan berkesan bagi memenuhi keperluan semasa dan yang akan datang.**

Yang Berhormat Pehin Yang DiPertua Dewan,

Hospital RIPAS berperanan sebagai hospital rujukan utama Negara, di peringkat *tertiary* bagi seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam semenjak tahun 1984 lagi. Bagi memastikan ianya kekal dengan status demikian, usaha berterusan sememangnya telah dilaksanakan dengan berbagai projek yang telah dikenalpasti dimana ada yang telah dilaksanakan, sedang dalam pelaksanaan dan juga dalam perancangan, dan menunjukkan Kementerian Kesihatan terus komited untuk memastikan RIPAS Hospital dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, sejajar dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Antara inisiatif dari Kementerian Kesihatan dalam hal ini termasuk:

Pengukuhan Infrastruktur dan Pembangunan Fasiliti yang termasuk Pembinaan Blok Hospital Baru. Kementerian Kesihatan sedang dalam proses pembangunan blok hospital baharu, dengan kapasiti 500 katil yang melibatkan peruntukan sebanyak BND 120 juta di bawah RKN 12. Blok ini akan memperluaskan kapasiti rawatan bagi keperluan yang telah meningkat dari setahun ke setahun dan meningkatkan kemudahan perubatan yang sedia ada.

Selain itu, kerja-kerja **menaik taraf dan membaik pulih Hospital RIPAS telah dijalankan secara berperingkat selama 10 tahun dari 2015** bagi memastikan fasiliti perubatan terus berada pada tahap terbaik. Hospital RIPAS memohon peruntukan khusus setiap tahun bagi usaha ini, di mana **perancangan peruntukan bagi tahun kewangan 2025/2026 berjumlah BND2.5 juta dan bagi tahun kewangan 2026/2027 sebanyak BND5.5 juta.** Pelaksanaan perlu secara berperingkat dan

tertakluk kepada faktor-faktor seperti penjejasan perkhidmatan, ketersediaan tempat bagi pemindahan pesakit sementara kerja-kerja penaiktarafan dijalankan dan tenaga kerja untuk pengendalian projek. *Alhamdulillah*, berkat kemudahan peruntukan dan usahasama untuk menjayakan projek-projek di Hospital RIPAS, projek yang sudah siap terlaksana termasuk penaiktarafan *Breast Imaging Centre*, Bilik Bedah OT1 & OT2, penaiktarafan wad CCU, pemasangan PABX baru dan pemasangan *PA system* baru. *Insyallah*, di masa yang terdekat, projek-projek penaiktarafan di Ward 15 (ward pengasingan) dan Klinik Ortopedik akan disiapkan. Dalam perancangan tahun ini seterusnya, antara projek akan dilaksanakan *Insyallah* termasuk: renovasi dan memperluas ruangan bagi perkhidmatan farmasi pesakit luar; kerja pembauk pulih tanah susur dekat Bangunan Wanita dan Kanak-Kanak; penggantian atap baru; penaiktarafan bilik bedah OT 3, 4 dan 5; penggantian baru *nurse call* di Bangunan Wanita dan Kanak-Kanak; penaiktarafan wad 10 & 11 sebagai unit rawatan rapi; penambahbaikan Klinik Respiratori dengan penambahan *Pulmonary Function Laboratory*; dan renovasi 2 bungalow di Kampong Kiarong, sebagai klinik pesakit luar fisioterapi.

Inisiatif yang cukup penting merupakan pengukuhan Perkhidmatan Klinikal dan Kepakaran demi memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Mutu penyampaian perkhidmatan (*Service delivery quality*) adalah sentiasa dalam pemantauan Kementerian Kesihatan dan usaha-usaha untuk pembaukan/penaiktarafan diteruskan, terutamanya dari segi waktu menunggu (*waiting time*) bagi rawatan seperti pembedahan; jenis dan kepelbagaiannya rawatan; serta pembelian baru mahupun penggantian *equipment* yang ada kepada yang terkini, selaras dengan piawaian antarabangsa dan keperluan *end-user*. Alhamdulillah, pembaukan dari segi *waiting time* telah menurun bagi perkhidmatan berkhatan dari 2 tahun ke "cuti sekolah seterusnya dimana satu fasiliti khas di Kiarong telah disediakan untuk perkhidmatan ini yang dibukakan setiap masa tanpa mengira waktu cuti sekolah.

Bagi pembedahan katarak ("utik"), Kementerian Kesihatan menghadapi masalah *waiting time* kerana perkhidmatan pembedahan katarak ini terpaksa ditunda semasa negara menangani pandemik Covid19. Alhamdulillah, sebanyak 4,389 kes telah berjaya dilaksanakan sejak Januari 2023 hingga Disember 2024, manakala jumlah kes menunggu telah menurun kepada 743 kes setakat Februari 2025.

Manakala misalan pembaukan dari penaiktarafan perkakas/*equipment* yang dalam pelaksanaan termasuk pembelian baru *Endoscopic Ultrasound System (EUS)* untuk Unit Gastrenterologi, yang mana dengan ketersediaannya memberi impak yang

positif dalam menambah kapasiti *diagnostics* di dalam negeri dan secara langsung akan mengurangi pengantaran pesakit ke luar negeri.

Selari dengan ini, usaha penambahan Perkhidmatan Subspesialis dan Pakar sedang berterusan untuk menarik dan melatih lebih ramai pakar dalam bidang tertentu seperti kepakaran pembedahan, onkologi, kardiologi; untuk memastikan RIPAS kekal sebagai pusat rujukan utama. Sejak tahun 2000, beberapa program *Basic Specialty Training (BST)* telah dilaksanakan, melibatkan bidang kepakaran seperti perubatan dalaman, penjagaan kesihatan asas, pembedahan, psikiatri, dan kecemasan. Latihan kepakaran kedoktoran dan kejururawatan di dalam negara juga dijangka akan diperluaskan, selaras dengan status Hospital RIPAS yang diiktiraf sebagai "*Teaching Hospital*." Sebagai contoh, penubuhan Basic Specialty Training (BST) dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi kini sedang dalam perancangan sebagai tambahan program yang sedia ada. Selain itu, satu lagi perkembangan penting adalah pelancaran Diabetic Nurse Educator Diploma in Health Sciences yang dijalankan melalui kerjasama dengan Politeknik Brunei dan JCHS.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan usaha yang berterusan dalam memperkuuhkan lagi sistem pendidikan dan latihan kesihatan, dengan tujuan untuk menghasilkan tenaga kerja kesihatan yang lebih mahir dan berkualiti.

Kementerian Kesihatan juga telah membuat pelaburan yang penting dalam inisiatif Digitalisasi dan Inovasi dalam Perkhidmatan Kesihatan. Ini termasuk Peralihan ke Sistem EMR (*Electronic Medical Record*) Baharu (BruHIMS 2.0 - ISH MED). Perancangan untuk menaik taraf sistem rekod perubatan elektronik (EMR) sedang giat dijalankan bagi memastikan penyimpanan rekod pesakit lebih cekap dan integrasi sistem kesihatan yang lebih baik. Berkaitan dengan ini juga adalah pengukuhan Telemedicine dan Kesihatan Digital di mana Platform BruHealth terus ditambah baik, termasuk peluasan telekonsultasi dan *digital therapeutics* (seperti aplikasi *Balance*, khusus untuk penjagaan penyakit Diabetes), yang membolehkan pesakit mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih mudah dan pantas.

Selain itu, Peningkatan Kecekapan dan Akses Perkhidmatan Kesihatan juga menjadi tumpuan Kementerian Kesihatan. Pemodenan Sistem Pengurusan Pesakit telah dilancarkan, di mana Kementerian telah meningkatkan sistem pendaftaran dan penjadualan temujanji bagi mengurangkan masa menunggu dan memastikan aliran kerja yang lebih lancar. Selari dengan Strategi Kementerian Kesihatan, Penyelarasaran Perkhidmatan dengan Hospital-Hospital Daerah diteruskan, di mana Hospital RIPAS terus berfungsi sebagai pusat rujukan utama, dengan kerjasama yang lebih erat

dengan hospital daerah dan pusat kesihatan bagi memastikan kesinambungan penjagaan pesakit dari peringkat *primary* ke tertiari.

Kementerian Kesihatan dalam usahanya untuk mengejar kecemerlangan, telah membuat *emphasis* untuk pengukuhan Kualiti dan Keselamatan Pesakit. Ini termasuk Pemantapan *Standard* Keselamatan dan Akreditasi. Langkah-langkah berterusan diambil untuk memastikan Hospital RIPAS memenuhi piawaian antarabangsa dari segi keselamatan pesakit, pengurusan risiko, dan kualiti perkhidmatan. Melalui penubuhan *Quality and Patient Safety Unit* di peringkat Kementerian Kesihatan dan di peringkat hospital-hospital dan perkhidmatan-perkhidmatan klinikal, Budaya Keselamatan (*Safety Culture*) dapat ditanai, antaranya dengan pengendalian sistem dalam talian *Incident Report (IR)* dan aplikasi MOHCares; dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif *International Patient Safety Goals (IPSG)*.

Program Latihan dan Pembangunan Profesional untuk Kakitangan Kesihatan juga memain peranan penting, di mana program latihan profesional secara berkala sedang diperkuuhkan bagi memastikan tenaga kerja kesihatan sentiasa berdaya saing dan mampu memberikan rawatan terbaik. Aktiviti-aktiviti *Continuous Professional Development* merupakan kriteria mandatori untuk mengekalkan pendaftaran dengan lembaga profesional yang berkaitan. Disamping itu juga, kegiatan-kegiatan dan Kempen pengajaran serta peningkatan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan giat diungkayahkan di Hospital RIPAS dan di *venue “off-site”*, dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, pesakit serta warga Hospital RIPAS dan Kementerian Kesihatan tentang isu-isu seperti Kesihatan Mental, Rintangan Antimikrob, Hari Farmasi Sedunia, *Hand Hygiene*, *Child Development* dan sebagainya.

Sebagai hospital rujukan utama di Brunei, Hospital RIPAS terus mengalami transformasi menyeluruh dari segi infrastruktur, perkhidmatan klinikal, inovasi digital, dan kecekapan operasi. Dengan perancangan yang sedang dilaksanakan, RIPAS Hospital akan terus berkembang untuk memenuhi keperluan kesihatan negara, sejajar dengan komitmen Kementerian Kesihatan dalam memberikan penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan berkesan kepada rakyat.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Dewan.

---

No. Soalan: PL125

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan untuk mengadakan perbezaan syarat yang bersesuaian dalam mematuhi piawaian kepatuhan bagi pengusaha kecil dan sederhana dalam bidang pertanian dan penternakan dari segi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berbanding dengan peraturan dan keperluan kepatuhan yang ada pada masa ini.

**JAWAPAN:**

Pihak Kementerian menyedari bahawa terdapat beberapa keperluan dalam memenuhi piawaian HSE yang memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi. Hal ini boleh menimbulkan beban yang berat bagi pihak MSME yang beroperasi dalam sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan juga pelancongan.

Pihak kementerian ini telah melaksanakan beberapa sesi perundingan dengan agensi-agensi yang berperanan dalam mengawalselia **piawaian kemajuan pertanian**, termasuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa (*TCP*), Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*), Jabatan Perkhidmatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (*DES*), Jabatan Perkhidmatan Air (*DWS*), dan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (*SHENA*). Tujuan perundingan ini adalah **untuk melaksanakan inisiatif bagi memudahkan dan memberikan sokongan kepada para pengusaha MSME dalam usaha mengurangkan kos permulaan operasi ladang, selaras dengan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan oleh agensi-agensi tersebut**.

**Setakat ini, beberapa provision khas untuk MSME telah di perolehi hasil daripada perundingan seperti:**

- I. pengecualian Kebenaran Perancangan daripada *TCP* untuk memulakan pembinaan rumah semaihan, *greenhouse* dan *pre-approved standard design* bagi rumah pekerja, rumah pam, ofis ladang dan stor;

- 
- II. pengecualian daripada *ABCi* berkenaan Kebenaran Kemajuan (*Building Approval*); Yuran Kemajuan bagi pelan bangunan (*standard design*); Borang C – Permit Kebenaran Memulakan Kemajuan (Form C – *Permit to Carry Out Building Works*); dan permohonan Sijil Kesiapan Kemajuan (*Occupation Permit*, OP) khusus bagi pembinaan rumah semaihan, *greenhouse*, dan *pre-approved standard design* bagi rumah pekerja, rumah pam, ofis ladang dan stor;
  - III. pengecualian dari pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik (*DES*) dan Jabatan Perkhidmatan Air (*DWS*) bagi keperluan Sijil Kesiapan Kemajuan (*OP*) bagi pemasangan utiliti;
  - IV. pengecualian dari pihak *SHENA* bagi syarikat *MSME* (kurang 100 orang pekerja) dalam melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja bagi
  - V. pematuhan peraturan dan peruntukan di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2014.

Selain itu, **bagi industri perikanan**, Kementerian juga telah mengadakan perundingan dengan pihak Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (*JASTRe*) mengenai perkara berikut:

- I. Cadangan *standard* skop kerja *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi aktiviti akuakultur dengan menetapkan garis ukur (*thresholds*) berdasarkan kepada keluasan tapak yang akan ditawarkan dan tertakluk kepada jenis kawasan bagi menjalankan aktiviti akuakultur berkenaan; dan
- II. Pengecualian bagi tapak baharu di kawasan persisiran dan luar pantai daripada melaksanakan *Environmental Baseline Study (EBS)* dan *EIA*. Ini mengambil kira Jabatan Perikanan juga melaksanakan kerja-kerja *EBS* dan *EIA* melalui projek *feasibility study* bagi membuka tapak-tapak baharu untuk dioperasikan bagi ternakan ikan nanti. Walau bagaimanapun, pengusaha yang ditawarkan tapak berkenaan masih perlu menghadapkan *Written Notification* berserta laporan *Environmental Management and Monitoring Plan (EMMP)* kepada *JASTRe* bagi pemantauan lanjut.

Walaubagaimanapun, dari **segi piawaian dan keperluan biosekuriti ladang pertanian dan perikanan**, piawaian-piawaian tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan menghasilkan keluaran yang berkualiti dan selamat. Ketidakpatuhan terhadap keperluan-keperluan biosekuriti ini boleh menjaskan produktiviti ladang,

menyebabkan penyebaran penyakit, serta menjasakan keselamatan makanan. Oleh itu, **piawaian dan keperluan biosekuriti ladang ini mesti dipatuhi secara ketat oleh semua syarikat, termasuklah MSME.**

Bagi **industri perhutanan** pula, Jabatan Perhutanan pada masa ini sedang merangka deraf garispanduan *HSE* bagi memudahkan pematuhan oleh syarikat industri perkayuan tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan kelestarian alam sekitar. Pihak Jabatan Perhutanan juga turut melibatkan para syarikat dalam penyediaan garispanduan berkenaan untuk memastikan ianya dapat diterima dan dipraktikkan dengan baik oleh semua pihak yang berkepentingan. Deraf tersebut akan dikemukakan kepada pihak SHENA untuk pertimbangan selanjutnya agar dapat diselaraskan dengan keperluan pematuhan persyaratan yang sedia ada.

Dalam **industri pelancongan** pula, ke arah inisiatif memperkenalkan dan mendaftarkan Rumah Inap Desa, yang lazimnya dioperasikan oleh pengusaha MSME, dalam masa terdekat sebagai langkah untuk mengembangkan pilihan penginapan yang lebih autentik dan menarik bagi pelancongan, pihak Kementerian ini sentiasa mengadakan perbincangan bersama pihak Kementerian Pembangunan (*MOD*), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (*TCP*) dan *ABCi*. Perbincangan ini bertujuan untuk memastikan Rumah Inap Desa di Negara ini memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh agensi-agensi berkenaan dan juga bagi menyelaras keperluan piawaian agar lebih fleksibel dan sesuai dengan perkembangan industri pelancongan. Antara isu-isu utama yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

- I. pematuhan dari segi struktur bangunan yang telah dibina dan beroperasi bertahun-tahun sebelum *standard* semasa diperkenalkan;
- II. keperluan pematuhan syarat-syarat *HSE* oleh *ABCi*;
- III. keperluan bagi melantik *Qualified Person (QP)* oleh *ABCi*;
- IV. persyaratan *TCP* bagi penggunaan tanah bagi perniagaan atau perumahan; dan
- V. menyelaras dengan pihak *MOD* bagi mendapatkan kebenaran untuk tapak-tapak yang sedang menjalankan perkhidmatan pelancongan, sebagai contoh kebenaran telah diberikan kepada EcoPonies, Alai Gayoh (*HAGAP*) dan Taman Tanjung Bukit Mambangan yang diwartakan di bawah Jabatan Daerah Tutong.

Dengan mematuhi keperluan keselamatan yang telah dijelaskan di atas, ianya akan dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan akan dapat meningkatkan keyakinan pelancong serta menarik lebih banyak pelancong ke Negara ini.

Sebagai langkah ke hadapan, pihak Kementerian akan mengadakan perundingan lanjut dengan agensi-agensi berikut bagi sama-sama merangka strategi untuk

mengurangkan beban kos yang dihadapi oleh pihak MSME dalam sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan, sambil memastikan bahawa keperluan HSE yang dipersyaratkan dapat dipenuhi:

- I. Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*),
- II. Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA);
- III. Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (JASTRe);
- IV. Jabatan Buruh;
- V. Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
- VI. Jabatan Perkhidmatan Air; dan
- VII. Jabatan Bomba dan Penyelamat.

No. Soalan: PL96

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengenakan beberapa cukai-cukai yang difikirkan berpatutan atau diperlukan bagi meningkatkan pendapatan negara serta mengurangkan defisit negara.

**JAWAPAN:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat mengenai dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan Negara.

Secara global, cukai adalah salah satu cara utama untuk menjana pendapatan Kerajaan untuk membiayai operasi dan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduknya, seperti pembangunan infrastruktur jalan raya, hospital, sekolah, pertahanan negara dan program keselamatan sosial. Terdapat pelbagai jenis cukai yang dikenakan oleh negara-negara iaitu seperti cukai pendapatan, sales tax, value-added tax (VAT), property tax, cukai eksais dan sebagainya.

Bagi Negara ini, usaha meningkatkan pendapatan Kerajaan, samaada berupa pengenaan cukai atau caj, bukan hanyalah terhad kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, malah setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan juga sama-sama memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan.

Dasar cukai yang sedia ada pada masa ini sama ada dari cukai secara tidak langsung seperti duti setem, cukai eksais/kastam, cukai tanah, cukai bangunan, mahupun cukai secara langsung seperti cukai pendapatan yang hanya dikenakan kepada syarikatsyarikat perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat, Penggal 39, belum cukup untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan terutama dalam menampung perbelanjaan subsidi mahupun dalam meningkatkan pembangunan infrastruktur dan program sosial, yang mana merupakan asas kepada kemakmuran

negara. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga secara berterusan melaksanakan inisiatif-inisiatif mempermodenkan dasar cukai yang ada dengan menambah baik pentadbiran perundungan cukai serta menyemak semula insentif-insentif percukaian yang sedia ada. Beberapa cadangan juga telahpun diketengahkan oleh beberapa agensi Kerajaan lain.

Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan perlu meneliti apa jua cadangan yang diperkenalkan akan memupuk pertumbuhan, memastikan kestabilan yang berterusan dalam memajukan ekonomi negara, dan yang penting sekali, tidak akan menjelaskan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan bahawa apa jua dasar baharu yang diperkenalkan akan mendapat sokongan, dalam sama-sama menangani defisit Negara dan penyediaan prasarana dan perkhidmatan yang berkualiti untuk keselesaan dan kesejahteraan kesemua rakyat dan penduduk di Negara ini.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

---

No. Soalan: PL42

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH  
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jika ada pertimbangan untuk Kerajaan membayar caj kelewatan dan memastikan proses invois lebih cekap agar tidak membebankan penyedia perkhidmatan terutama perusahaan kecil tempatan yang bergantung kepada pembayaran yang tepat waktu. Ramai vendor mengadu berkenaan kelewatan pembayaran invois tanpa notifikasi jelas sehingga memaksa mereka mengambil pinjaman, menanggung yuran tertunggak, dan penalti untuk membayar gaji pekerja, bayaran SCP dan vendor demi kelangsungan operasi.

**JAWAPAN:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa invois yang telah lambat dibayar semasa sistem baharu TAFIS 2.0 mula-mula diperkenalkan pada bulan April tahun lepas. Antara sebab kelambatan ini adalah beberapa *technical teething issues* di luar jangkaan yang telah ditangani, dan juga para pengguna (termasuk pihak syarikat) yang memerlukan lebih masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem baharu tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah transaksi di dalam sistem TAFIS 2.0 oleh Jabatan Perbendaharaan telah meningkat secara keseluruhan dari kira-kira 43 ribu transaksi pada bulan April 2024 kepada 920 ribu transaksi sehingga 28hb., Februari, 2025 dengan nilai melebihi \$2.2billion. Secara purata, Jabatan Perbendaharaan telah memproses sebanyak kira-kira 84 ribu transaksi setiap bulan, di mana dalam lingkungan 80 peratus telah diproses dalam tempoh di bawah 30 hari. Selebihnya tidak dapat diselesaikan pembayaran atas beberapa sebab, yang bukannya 100 peratus disebabkan oleh sistem TAFIS 2.0.

Untuk kefahaman Ahli Yang Berhormat bahawa berdasarkan kepada Peraturan Kewangan, Jabatan Perbendaharaan lazimnya tidak akan meluluskan sebarang pembayaran jika tuntutan-tuntutan berkenaan belum dapat disahkan ataupun dilengkapkan oleh Jabatan yang berkenaan. Pengesahan perlu dibuat supaya tuntutan yang dihadapkan adalah teratur dari segi Peraturan Kewangan iaitu termasuk memperolehi kebenaran untuk membuat perbelanjaan samada melalui **sebutharga** atau **tawaran**; dan mempunyai peruntukan yang mencukupi serta membuat pengesahan bahawa pembelian dan perkhidmatan telah dilaksanakan.

Bagi sebahagian invois yang mengalami kelambatan pembayaran melalui sistem TAFIS 2.0, Jabatan Perbendaharaan terus membuat beberapa inisiatif sejak bulan April yang lalu untuk membantu mempercepatkan pembayaran yang tertunggak antaranya seperti penyediaan **klinik pembayaran**; dan juga **User Clinic** bagi pengguna di Kementerian dan Jabatan untuk mendapatkan bantuan dalam melaksanakan proses perolehan dan pembayaran. Pada masa yang sama, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap di setiap Kementerian yang berkenaan untuk menyelaras dan berusaha untuk menyelesaikan isu-isu tuntutan jika ada.

Satu lagi sebab adalah maklum balas yang lambat daripada pembekal dalam mendaftar ke dalam sistem TAFIS 2.0. Pendaftaran pembekal ke dalam system berkenaan adalah bagi membolehkan invois mereka diproses dengan segera. Pada Mac 2024, hanya terdapat sebanyak **432 syarikat** yang berdaftar dengan TAFIS 2.0, ini bermakna invois daripada syarikat-syarikat lain tidak dapat diproses kerana tidak berdaftar dengan sistem TAFIS 2.0. Melalui Jabatan Perbendaharaan, pembekal-pembekal telah dihubungi untuk mengingatkan mereka supaya mendaftar. Alhamdulillah, bilangan pembekal yang berdaftar meningkat secara berperingkat pada bulan-bulan berikutnya dan membolehkan TAFIS 2.0 mula menjelaskan pembayaran tuntutan. Kelebihan sistem TAFIS 2.0 ialah ianya mempunyai proses baharu, iaitu *Goods Receipt* atau *Service Entry Sheet* untuk Jabatan mengesahkan penerimaan pembekalan atau perkhidmatan bagi Pembekal memuatnaik invois untuk proses pembayaran. Proses ini membolehkan Pembekal untuk menyemak status tuntutan mereka secara *online* melalui *GVP (Government Vendor Portal)*. Syarikat-syarikat juga akan menerima email apabila pembayaran telah diluluskan oleh Jabatan Perbendaharaan.

Sejak April yang lalu, Helpdesk juga beroperasi di Bahagian Pembayaran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk membolehkan pembekal-pembekal membuat sebarang pertanyaan atau aduan

mengenai tuntutan mereka. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perpendaharaan juga telah membuat peringatan dalam akhbar Borneo Bulletin dan Media Sosial untuk memohon kerjasama daripada pembekal-pembekal yang mengalami masalah dengan TAFIS 2.0 supaya dapat mengunjungi Helpdesk Bahagian Pembayaran bagi membolehkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi membuat siasatan lanjut. Kerjasama pembekal untuk memastikan sebarang aduan dikongsikan dengan jelas adalah sangat diperlukan seperti contoh menyatakan nama Syarikat dan butiran tuntutan bagi membolehkan pihak Jabatan Perpendaharaan membuat siasatan anjut dengan secepatnya serta membantu untuk menyelesaikan apa juu masalah proses pembayaran yang dihadapi.

Oleh itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pihak Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang lain akan sentiasa meningkatkan usahanya ke arah memastikan pembayaran-pembayaran dibuat dengan segeranya dan terutamanya teratur dari segi Peraturan Kewangan.

Sekian. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

---

No. Soalan: PL60

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI  
BIN HAJI MOMIN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkenalkan kaedah penilaian alternatif selain O-Level bagi memberi lebih banyak pilihan kepada pelajar. Adakah Kementerian merancang bagi kaedah yang lebih holistik dan inklusif bagi menguji dan menilai kecerdasan pelajar dengan mengambil kira kajian daripada pakar psikologi yang mana manusia mempunyai kepelbagaian kecerdasan, namun sistem penilaian pendidikan di negara ini hanya menekankan kepada ujian bertulis dan hafalan.

**JAWAPAN:**

[ Telah dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada 10.03.2025 ]

No. Soalan: PL61

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI  
BIN HAJI MOMIN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani isu tekanan di kalangan guru dalam memenuhi piawaian pendidikan yang menjelaskan kesihatan mental guru dan bagaimana Kementerian memastikan sistem sokongan yang lebih berkesan dan dipercayai. Ini mengambil kira Selidik Warga Pendidik (Julai 2024) yang mendapati 68.4% guru merasakan sistem sokongan di sekolah tidak berkesan, sementara hanya 2.6% berpandangan sebaliknya.

**JAWAPAN:**

[ Telah dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada 10.03.2025 ]

No. Soalan: PL72

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika terdapat perancangan bagi Institusi Pendidikan Tinggi menawarkan kursus *Tourism and Hospitality* di peringkat ijazah di masa-masa akan datang, memandangkan pelancongan antara sektor yang terpenting kepada ekonomi negara.

**JAWAPAN:**

[ Telah dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada 10.03.2025 ]

No. Soalan: PL80

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI  
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

**TARIKH** : 10.03.2025 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan KPI Kementerian yang berhubung dengan peratus pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' levels dan IGCSE, yang rendah, apakah perancangan Kementerian dalam usaha untuk menaikkan peratus ini kepada kadar yang lebih tinggi agar kualiti pelajar yang masuk ke *post-secondary* dan pengajian tinggi akan lebih berkualiti.

**JAWAPAN:**

[ Telah dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada 10.03.2025 ]